

## **2.5 Kesimpulan.**

Secara konklusinya dapatlah dihujahkan bahawa *al-Hadīth* merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam yang merupakan tafsiran fraktis dan syumul bagi al-Quran serta perlaksanaan yang realiti dan unggul bagi Islam. Justeru, kita sebagai umat Islam perlu menyerah diri kepada Allah SWT dan menerima segala perintah dan meninggalkan segala larangannya, di samping mencari dan menuntut keredaan Allah SWT dengan meletakkan wahyu sebagai asas segala niat dan amalan dalam menjalani kehidupan di dunia yang menjadi tempat menyediakan bekalan kepada kehidupan di akhirat.

Begitu juga dengan ilmu *takhrij*, ianya mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan merupakan elemun utama dalam mentakhrij sesuatu hadith dari sumber asalnya. Jika ilmu ini tidak dipelajari dan dipraktikkan sudah tentu seseorang pengkaji itu gagal dalam mentakhrij hadith bagi menentukan kesahihan dan ketepatan sesuatu hadith yang ingin ditakhrijkan.

## BAB KEDUA

### FUNGSI DAN PEMBAHAGIAN HADITH SERTA KAE DAH-KAE DAH ASAS *TAKHRIJ*

#### 2.0 Pendahuluan.

Keautoritian hadith sebagai sumber kedua dalam perundangan Islam diautoritatif oleh al-Quran, hadith sendiri dan ulama Islam sejak dari dahulu hingga sekarang. Kepentingannya tidak dapat dinafikan kerana tanpa hadith manusia tidak akan dapat mengenali, memahami dan mengamalkan ajaran-ajaran Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran dengan komprehensif.

Namun begitu, sejak kebelakangan ini sudah ada golongan yang mempertikaikan keautoritian sumber asas yang kedua ini<sup>1</sup>. Gejala ini timbul akibat ketidakfahaman mereka tentang hakikat hadith dan kaedah periwayatannya yang digunakan oleh ahli-ahli hadith, di samping itu mereka juga telah dikelirukan oleh orientalis Barat dan golongan yang terpengaruh dengan pemikiran mereka.

Sejak dahulu hingga sekarang, mereka sentiasa berusaha untuk menghancur dan memesongkan pemikiran umat Islam daripada mempercayai dan mengamalkan perkara-perkara yang disampaikan oleh hadith secara khususnya<sup>2</sup>.

<sup>1</sup> Lihat Dr. Zakaria @ Mahmud bin Daud (2001M), “*al-Tayyārāt al-Fikriyyah al-Mu’āşirah*”, Risalah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail, Nilam Puri, Kelantan, hal. 9.

<sup>2</sup> *Ibid.*

Justeru, perkara ini tidak boleh dibiarkan berterusan dan hidup mekar dalam masyarakat Islam, malah penggembangan tenaga perlu dilakukan untuk menyedarkan masyarakat Islam tentang bahaya fenomena tersebut dengan memberi penerangan kepada mereka tentang kebenaran hadith-hadith Rasulullah s.a.w., Allah SWT berfirman:

”مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّ فَمَا أُرْسَلْنَاكُ عَلَيْهِمْ حَفِظًا“

Maksudnya:

*Barang siapa yang mentaati Rasul, sesungguhnya dia telah mentaati Allah. Barang siapa yang berpaling, maka kami tiada mengutuskan engkau untuk menjaga mereka.*

*Surah al-Nisā' ( 4 ) : 80.*

Di sini penulis tidak akan menghuraikan mengenai pengertian hadith dari segi etimologi mahupun terminologinya<sup>3</sup>, penulis terus membincangkan mengenai fungsi dan pembahagian hadith. Dalam bab ini juga penulis akan memberi penekanan kepada perkara yang berkaitan dengan *takhrīj*.

## 2.1 Fungsi Hadith.

Dalam perbincangan mengenai fungsi hadith dan sunnah, ianya tidak dapat dipisahkan daripada hubungannya dengan al-Quran. Sebagaimana dimaklumi al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dengan menjanjikan hidayat bagi orang yang bertaqwa. Ia juga merupakan perlengkapan kehidupan bagi orang

<sup>3</sup> Perkara ini telah penulis huraikan dalam bab pertama, lihat hal. 7.

Islam seluruhnya, penyubur dan penenang bagi hati orang yang beriman<sup>4</sup>. Al-Quran mengandungi pelbagai tujuan yang merupakan penyebab diutuskan Rasul ke dunia ini. Di dalamnya terdapat tasyri<sup>5</sup>, hukum, adab, galakan, peringatan, cerita, tauhid dan sebagainya yang dijamin sahih penerangannya sama ada ijmal atau tafsilnya<sup>6</sup>. Dengan ini perkara yang paling penting bagi ulama Islam ialah memahami secara mendalam hukum-hakam Allah SWT sama ada yang terdapat di dalam kitab al-Quran atau sunnah Nabi s.a.w. Ini adalah peraturan dan perundangan yang disyarakkan oleh Allah SWT.

Para sahabat telah mengambil al-Quran dan *al-Hadīth* secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. kemudian disampaikan kepada generasi selepasnya dengan cara *talaqqi* dan bersambung atau berantai. Rasul juga mempunyai tugas yang lain selain menyampaikan al-Quran kepada manusia seluruhnya iaitu menghuraikan dan menjelaskan kehendak kitab dan ayat-ayat Allah SWT tersebut, menghuraikan yang ijmal, mengkhususkan yang umum dan sebagainya<sup>6</sup>.

Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan lagi setiap Muslim berhajat kepada penerangan Rasulullah s.a.w. selain berhajat kepada al-Quran itu sendiri. Kita tidak akan mampu memahami kehendak al-Quran yang sebenarnya yang bertepatan dengan kehendak Allah SWT kecuali jika merujuk kepada hadith Rasulullah s.a.w.. Perkara ini telah disepakati oleh orang Islam seluruhnya dahulu

<sup>4</sup> Lihat 'Abd al-Muhib 'Abd al-Qadir 'Abd al-Hadi (1998M), *al-Madkhāl ilā al-Sunnah al-Nabawiyah*, Miṣr : Dār al- I'tiām, cet.1, hal. 127.

<sup>5</sup> *Ibid*, hal. 128.

<sup>6</sup> Lihat Muḥammad bin Jarīr bin Yazid bin Khālid al-Tabarī Abū Ja'far (1405H), *Tafsīr al-Tabarī*, Beirūt: Dār al-Fikr, jil. 1, hal. 32, 33.

dan sekarang kecuali golongan yang menyeleweng daripada ajaran yang sebenarnya<sup>7</sup>.

Antara fungsi hadith adalah seperti berikut<sup>8</sup>:

### 2.1.1 Bersama-sama Atau Selari Dengan al-Quran (*al-Muwāfaqah*).

*Al-Hadīth* selari dengan al-Quran atau bersama-sama mengutarakan nas sama ada dalam bentuk ijmal mahu pun tafsil. Antara contohnya ialah hadith-hadith yang membincangkan persoalan solat, zakat, haji, puasa dan sebagainya, semuanya itu bertepatan dengan ayat-ayat al-Quran yang menceritakan hal-hal sedemikian. Sebagai contohnya sabda Nabi s.a.w. :

"بِنِ الْإِسْلَامِ عَلَىٰ حَمْسٍ : شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ  
مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ؛ وَصُومُ  
رَمَضَانَ؛ وَحْجَ الْبَيْتِ"

Maksudnya :

*Islam terdiri di atas lima perkara: pernyaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah, bahawasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, puasa di bulan Ramadan dan menengerjakan ibadat haji di Mekah<sup>9</sup>.*

<sup>7</sup> Lihat Dr. Muṣṭafā al-Sibā'i<sup>†</sup> (1998M), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyīr'* al-Islāmi, Miṣr: Dār al-Salām, cet. 1, hal. 343.

<sup>8</sup> *Ibid*, hal. 345.

<sup>9</sup> Lihat Imam al-Tirmidhi, *op.cit.*, Kitāb al-Imān, Bāb mā Jā' Buniy al-Islām 'alā Khams, jil. 4, hal. 430, no. 2609.

Hadith ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

1) "وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ"

Maksudnya:

*Dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat.*

*Sūrah al-Baqarah (2) : 43.*

2) "يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصَّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْفَعُونَ"

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu.*

*Sūrah Āli 'Imrān (3) : 97.*

3) "وَلَلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْيَتِيمِ مَنْ أَسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا"

Maksudnya:

*Allah mewajibkan kepada manusia mengerjakan haji di Rumah Allah (Mekah) bagi golongan yang berkemampuan.*

*Sūrah Āli 'Imrān (3) : 97.*

## 2.1.2 Penjelas atau *Mubāyin* Kepada al-Quran.

Ini terjadi apabila ayat al-Quran didatangkan dalam bentuk Mujmal. Untuk memahami maksudnya yang lebih tepat mestilah ada penjelasan daripada sumber lain iaitu sumber *al-Hadīth* yang diterangkan

oleh Rasulullah s.a.w. Seperti hadith-hadith yang membicarakan tentang solat, puasa, zakat, haji, jual beli, muamalat dan seumpamanya yang diceritakan secara ringkas atau umum dalam al-Quran maka diuraikan secara terperinci oleh *al-Hadith*<sup>10</sup>.

Contohnya firman Allah SWT dalam kitabNya ialah :

1) " وَارْكُمُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ "

Maksudnya:

*Dan tunduklah (rukuk) bersama orang-orang yang tunduk.*

*Sūrah al-Baqarah (2) : 43.*

2)

" وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَاقْرَبْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقْرُبْ طَائِفَةٌ مِّنْهُمْ مَعَكَ وَلْيَأْتِيْنَهُمْ أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا فَلْيَكُوْنُوا مِنْ وَرَائِكَمْ وَلْنَاتِ طَائِفَةٌ أُخْرَى لَمْ يُصْلِلُوا فَلْيَصْلِلُوا مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا حِنْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ "

Maksudnya:

*Dan apabila engkau hadir bersama-sama dengan mereka, hendaklah mengerjakan sembahyang berkumpulan-kumpulan dengan mereka, hendaklah satu kumpulan di antaranya berdiri (sembahyang) bersama-sama engkau dan memegang senjata, dan sesudah mereka sujud, lantas mereka mundur kebelakang dan satu kumpulan lain yang belum sembahyang tampil kehadapan dan sembahyang pula bersama-sama dengan engkau. Hendaklah mereka persiapkan penjagaan dan senjata.*

*Sūrah al-Nisā' (4) : 102.*

<sup>10</sup> Lihat 'Abd al-Muhdi 'Abd al-Qadir 'Abd al-Hādi (1998M), *op.cit.*, hal. 136,137.

Ayat-ayat di atas hanya menerangkan sembahyang secara umum dengan tidak menerangkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan sembahyang secara lebih terperinci. Kitab Allah SWT menetapkan hukum-hakam dan sunnah pula yang mentafsirkannya<sup>11</sup>. Dengan itu hadith berfungsi menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan sembahyang secara lebih terperinci iaitu menerangkan bilangan sembahyang yang diwajibkan, waktu, rakaat, sifat tiap-tiap rakaat, syarat sah, syarat wajib, sifat sembahyang musafir, sifat sembahyang hadir dan sebagainya. Semuanya ini terkandung dalam sabda Nabi s.a.w<sup>12</sup>:

"صلوا كما رأيتمني أصلح"

Maksudnya:

*Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu lihat aku sembahyang*<sup>13</sup>.

### 2.1.3 Mengkhususkan Atau Menghadkan Ayat-ayat al-Quran Yang Bersifat Umum Atau Mutlak.

Sesetengah ayat yang terkandung di dalam al-Quran bersifat umum dengan hanya menyatakan mengenai haram, halal, keadaan, sifat atau seumpamanya dalam sesuatu masalah. Ini memerlukan kepada hadith untuk memahaminya secara khusus dan terperinci.

<sup>11</sup> Lihat al-Ajtūrī (1996M), *al-Šyāri‘ah*, Miṣr: Mu’assasah Qurtubiyyah, hal. 1798.

<sup>12</sup> Lihat ‘Abd al-Muhdi ‘Abd al-Qadir ‘Abd al-Hādi (1998M), *op.cit.*, hal. 137.

<sup>13</sup> Lihat Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad (1993M), *Ṣaḥīḥ Ibni Ḥibbān*, Tahqīq Syu‘ayb al-Ārnā’ūt, *Bāb al-Ādzān*, Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, cet. 2, jil. 4, hal. 541, no. 1658.

Contohnya firman Allah SWT:

"يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذِّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأَنْثَيْنِ"

Maksudnya:

Allah telah menentukan kepada kamu (tentang pembahagian pusaka) untuk anak-anak kamu: Bahagian bagi seorang lelaki sama dengan dua bahagian orang perempuan.

*Sūrah al-Nisā' (4): 11.*

FirmanNya lagi:

"وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أُوْ دِينٍ وَلَهُنَّ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكْتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ ثُوَصُونَ بِهَا أُوْ دِينٍ"

Maksudnya:

Dan kamu mendapat satu perdua dari harta peninggalan isterimu kalau mereka tidak mempunyai anak, tetapi jika kalau mereka mempunyai anak, kamu akan dapat satu perempat dari harta peninggalannya sesudah penyelesaian wasiat yang diwasiatkan atau hutang, dan isteri-isteri mendapat satu perempat dari harta peninggalanmu, kalau kamu tidak mempunyai anak, tetapi kalau kamu mempunyai anak mereka mendapat satu perlapan dari harta peninggalanmu, sesudah penyelesaian wasiat yang diwasiatkan atau hutang.

*Sūrah al-Nisā' (4): 12.*

Apa yang dapat diperhatikan dalam dua ayat al-Quran di atas bahawa setiap anak mempunyai hak mewarisi harta orang tuanya, begitu juga antara suami dan isteri secara umum. Keumuman ini telah

dikhususkan oleh hadith yang mensyaratkan anak, suami atau isteri yang Islam sahaja layak menerima harta pusaka. Sabda Nabi s.a.w.

" لا يرث المسلم الكافر ولا يرث الكافر المسلم "

Maksudnya:

*Tidak boleh mewarisi orang Islam harta orang kafir dan tidak boleh juga mewarisi orang kafir harta orang Islam*<sup>14</sup>.

#### **2.1.4 Menyatakan Hukum-hakam Yang Tidak Dinyatakan Oleh al-Quran.**

Antara hadith yang membicarakan tentang hal ini ialah hadith pengharaman menghimpunkan isteri serentak di antara perempuan dan emak saudaranya, hadith-hadith syafaat, rejam penzina yang sudah berkahwin dan rotan bagi yang belum berkahwin juga mewariskan harta kepada nenek dan sebagainya.

Para ulama tidak berselisih pendapat pada dua bahagian yang pertama kerana terdapat hujah yang kuat daripada al-Quran dan *al-Hadīth* dan sebahagian besar hadith adalah termasuk dalam katogeri ini. Sebaliknya para ulama telah berselisih pendapat pada bahagian yang ketiga, iaitu bahagian yang terakhir tentang cara penerimaan hadith

<sup>14</sup> Lihat Imam al-Tirmidhi, *op.cit.*, *Kitāb al-Farā'id, Bāb mā Jā' fi Ibtāl al-Mīrāth Bayn al-Muslim wa al-Kāfir*, jil. 4, hal. 180, no. 2107.

sebagai penetapan kepada hukum-hakam Islam. Mereka menimbulkan persoalan bagaimanakah cara hadith menetapkan hukum yang tidak dinyatakan oleh al-Quran. Pendapat yang pertama menyatakan hukum yang ditetapkan oleh hadith itu telah dinyatakan oleh al-Quran yang dapat kita fahami walaupun dengan cara takwil. Pendapat yang kedua iaitu pendapat jumhur ulama pula menyatakan hukum yang didatangkan oleh hadith adalah hukum yang baru dan tidak ada kaitan dengan nas al-Quran dalam masalah tersebut<sup>15</sup>.

## 2.2 Pembahagian Hadith.

Hadith yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad s.a.w. terbahagi kepada beberapa bahagian mengikut klasifikasi atau aspek yang berlainan.

Pertama: Dari aspek matan yang disandarkan kepada penyampainya.

Kedua : Dari aspek penerimaan dan penolakannya.

Ketiga : Dari aspek bilangan perawinya<sup>16</sup>.

<sup>15</sup> Lihat Dr. Muṣṭafā al-Sibā'ī, *op.cit.*, hal. 346.

<sup>16</sup> Lihat Māhir Maṇṣūr ‘Abd al-Razzāq (1996M), *Aḥyāib al-Thamar fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*. Miṣr: Jāmi‘ah al-Azhar, Dimyāt, hal. 33.

## **2.2.1 Hadith Dari Sudut Matan Yang Disandarkan Kepada Penyampainya.**

Hadith jika dilihat dari sudut matan yang disandarkan kepada penyampainya terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

1. Hadith *Qudsī*.
2. Hadith *Marfū'*.
3. Hadith *Mawqūf*.
4. Hadith *Maqṭū'*<sup>17</sup>.

### **1. Hadith *Qudsī*.**

Iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang disandarkan kepada Allah SWT, lafaz dan maksud datangnya daripada Allah SWT. Contoh ungkapannya ialah “*telah berkata Rasulullah s.a.w. apa yang diriwayatkan daripada TuhanNya*” atau “*telah berkata Allah SWT seperti mana yang diriwayatkan daripadanya oleh Rasulullah s.a.w.*”. Ianya juga dipanggil hadith *Ilāhi*<sup>18</sup> atau hadith *Rabbānī*<sup>18</sup>.

Contoh hadith *qudsī* ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah daripada Nabi Muhammad s.a.w., berkata Nabi s.a.w.: Allah SWT berfirman :

”أَنَا عَنْ ظُنْ عَبْدِيِّي، وَأَنَا مَعَهُ حِينَ يُذْكَرِي..”

<sup>17</sup> Lihat Nūr al-Dīn ‘Itr (1992M), *op.cit*, hal. 327.

<sup>18</sup> *Ibid*, Lihat Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *op.cit*, hal. 65. Lihat Mūsā Ṣyāḥīn Lāsyīn (1996M), *Fatḥ al-Mun‘im*, Miṣr: Maṭba‘ah Fajr al-Jadid, jil. 1, hal 391.

Maksudnya:

*Aku ( Allah ) seperti sangkaan hambaKu terhadapKu, dan Aku bersamanya ketika dia mengingatiKu...<sup>19</sup>.*

Antara kitab yang menghimpun hadith-hadith *qudsi* ialah kitab *al-Iḥāfāt al-Saniyyah fī al-Āḥādīth al-Qudsīyyah*, karangan al-Munāwī. Beliau menghimpunkan 272 hadith *qudsi* di dalam kitab tersebut.

## 2. Hadith *Marfū'*.

*Marfū'* pada bahasa ialah kata *ṣighah ism mafūl* yang berasal daripada kalimah *rafa'a* (رفع) lawan bagi perkataan *waḍa'a* (وضع) yang bermaksud kemulian dan ketinggian martabat<sup>20</sup>. Takrif istilah yang masyhur bagi hadith *marfū'* ialah hadith yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. daripada perkataan, perbuatan, perakuan ( *tagrīr* ) atau sifat-sifatnya<sup>21</sup>.

Terkandung dalam hadith *marfū'* hadith-hadith *muttaṣil* dan *munqaṭi'*, juga hadith-hadith *sahīh*, *ḥasan*, *da'iif* dan *mawdū'* berdasarkan kepada syarat-syarat *qabūl* satu-satu hadith<sup>22</sup>. Ini kerana hadith *marfū'* dilihat pada tempat keluarnya hadith tersebut (akhir sanad) dan tidak dilihat pada rantai perawinya yang memastikan darjat satu-satu hadith.

<sup>19</sup> Lihat Imam al-Tirmidhi, *op.cit.*, *Kitāb al-Da'awāt*, *Bāb fī Husn al-Zann bi Allāh*, jil. 5, hal. 398, no. 3203.

<sup>20</sup> Lihat Māhir Mansūr 'Abd al-Razzāq, *op.cit.*, hal. 35.

<sup>21</sup> Nūr al-Dīn 'Itr, *op.cit.*, hal. 325.

<sup>22</sup> Lihat Māhir Mansūr 'Abd al-Razzāq, *op.cit.*, hal. 40.

### **3. Hadith *Mawqūf*.**

Dari sudut bahasanya adalah kata *sīghah ism maf'ūl* yang diambil daripada kata kerja *waqafa* (وقف), seolah-olah perawi hadith hanya terhenti kepada sahabat sahaja, tidak disambungkan kepada Rasulullah s.a.w<sup>23</sup>.

Istilahnya ialah hadith yang disandarkan kepada sahabat r.a daripada perkataan, perbuatan dan perakuan sama ada *muttaṣil* atau *munqaṭi'*. Dan tidak sampai sanadnya kepada Rasulullah s.a.w.<sup>24</sup>.

Dinamakan *mawqīf* kerana hadith tersebut hanya berhenti kepada sahabat, tidak sampai kepada Nabi s.a.w. Ada juga ulama menamakannya dengan nama "Āthār"<sup>25</sup>.

### **4. Hadith *Maqtū'*.**

*Maqtū'* adalah kata *sīghah ism maf'ūl* yang diambil daripada kata kerja *qaṭ'a* (قطع) iaitu putus lawan bagi kalimah (وصل) iaitu sambung, kata jamaknya ialah *maqāṭī'* (مقاطع) dan *maqāṭī'* (مقاطع). Dari

<sup>23</sup> Lihat Māhir Mañṣūr 'Abd al-Razzāq, *op. cit.*, hal 41.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Lihat Imam al-Suyūtī (2000M), *Tadrib al-Rāwī*, Tahqīq : 'Irfān al-'Asyayā' Ḥassūnah, Beirut : Dār al-Fikr, cet. 1, hal. 117.

<sup>26</sup> *Ibid.* hal. 59.

segi istilahnya pula ialah hadith yang hanya disandarkan kepada tabiin daripada perkataan dan perbuatan mereka<sup>27</sup>.

Sumber hadith *mawqūf* dan *maqtū'* ini ialah daripada kitab-kitab *al-Muṣannafāt* dan *al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*, ini kerana kitab *al-Muṣannafāt* menghimpunkan semua hadith yang berkaitan dengan bab, tanpa melihat kepada darjatnya.

Antara kitab-kitab *al-Muṣannafāt* dan *Tafsīr bi al-Ma'thūr* ialah:

1. *Muṣannaf* karangan ‘Abd al-Razzāq bin Hamām al-Šan‘ānī.
2. *Muṣannaf* karangan Abū Bakr bin Abī Syaybah.
3. *Tafsīr al-Tabarī* karangan Ibn Jarīr al-Tabarī.

## 2.2.2 Hadith Dari Sudut Penerimaan (*Qabūl*) Dan Penolakan (*Radd*).

Perbahasan dalam tajuk ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu:

- Hadith-hadith yang diterima (*Maqbūl*).
- Hadith-hadith yang ditolak (*Mardūd*).

<sup>27</sup> Lihat Nūr al-Dīn ‘Itr, *op.cit.*, hal 327.

### **2.2.2.1 Hadith-hadith yang diterima (*Maqbūl*).**

Hadith-hadith *Maqbūl* terbahagi kepada empat katogeri, iaitu:

1. Hadith *Sahīh*.
2. Hadith *Hasan*.
3. Hadith *Sahīh li Ghayrih*.
4. Hadith *Hasan li Ghayrih*<sup>28</sup>.

#### **1. Hadith *Sahīh*.**

Dari segi bahasanya, perkataan *sahīh* adalah di atas timbalan (*wazan*) *fa'il* yang kata jamaknya ialah *al-Sihħah*, iaitu hilangnya sakit dan terlepas daripada keaiban, digunakan di sini dengan *majāz*<sup>29</sup>.

Makna *sahīh* dari sudut istilahnya iaitu hadith *musnad* yang bersambung perawinya, diriwayat dan disampaikan oleh perawi yang adil lagi *dābiṭ* daripada perawi yang adil dan *dābiṭ* begitulah sampai keakhirnya, tidak khilaf dengan perawi yang lebih dipercaya daripadanya (*syādz*) dan selamat hadith daripada perkara-perkara yang boleh mencacatkannya (*i'llah*).<sup>30</sup>

<sup>28</sup> Lihat Māhir Mansūr 'Abd al-Razzāq, *op.cit.*, hal. 33 dan 148.

<sup>29</sup> *Ibid.*, hal. 135.

<sup>30</sup> Lihat Ibn Salāh (1998M), *al-Muqaddimah fī 'Ulūm al-Hadīth*, Tahqīq: Nūr al-Dīn 'Itr, Beirut: Dār al-Fikr, cet: 3, hal. 12.

### Hukum hadith *sahīh*:

Ulama daripada ahli Hadith, Fekah, Usul dan yang lainnya berpendapat bahawa hadith *sahīh* adalah menepati *hujah* dan wajib beramat dengannya, walaupun riwayatnya tidak sampai kepada martabat *mutawātir*<sup>31</sup>.

Kitab-kitab hadith *sahīh* antaranya ialah:

1. *Al-Muwatta'*. Karangan Imam Mālik bin Anas.
2. *Al-Jāmi' al-Sahīh*. Karangan Imam Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī .
3. *Sahīh Muslim*. Karangan Imam Muslim bin al-Hajjāj al-Naysābūrī.

### 2. Hadith *Hasan*.

Dari sudut bahasa *Hasan* bererti cantik ( الجمال ), lawan bagi

buruk ( قبح ) dan perkataan jamaknya ialah *al-Ḥisān* (الحسان )<sup>32</sup>.

Khilaf ulama dalam memberi definisi dari segi istilah bagi hadith *hasan*. Di sini penulis paparkan takrif yang masyhur di kalangan ulama, iaitu hadith yang bersambung sanadnya, diriwayatkan oleh perawi yang adil tetapi kurang penjagaannya dari

<sup>31</sup> Lihat Nūr al-Dīn 'Itr, *op.cit.*, hal. 244.

<sup>32</sup> Lihat Ibn Manzūr, *op.cit.*, jil. 2, hal. 887.

segi hafalan atau tulisan (*dābit*) yang tidak membawa kepada *syād*- atau *mu'allaf*<sup>33</sup>.

#### Hukum hadith *hasan*:

Diterima pakai oleh ahli Hadith dan Usul di dalam berhujah dan beramal.

#### 3. Hadith *Sahīh li Ghayrih*.

Iaitu hadith *hasan li dhātih* apabila diriwayatkan daripada sanad lain yang sama taraf dengannya atau yang lebih kuat daripadanya dengan lafaz atau maknanya, jadilah hadith tersebut kuat dan diangkat daripada darjat *hasan* kepada *sahīh*, dinamakannya dengan *sahīh li ghayrih*.<sup>34</sup>

#### 4. Hadith *Hasan li Ghayrih*.

Iaitu hadith *da'if* kerana lemah riwayatnya atau kerana hadith tersebut *mursal*, *tadlis* atau kerana perawinya itu jahil, tetapi disokong oleh hadith yang sama taraf dengannya atau dengan hadith yang lebih kuat daripadanya. Dengan itu terangkatlah hadith tersebut daripada asalnya *da'if* kepada darjat *hasan li ghayrih*.<sup>35</sup>

<sup>33</sup> Lihat Ahmad Syākir (t.t), *al-Bā'iθ al-Ḥathīth Syarḥ Ikhtiyār 'Ulūm al-Ḥadīth*, Miṣr: Dār al-Hijāzī, cet.2, hal. 28.

<sup>34</sup> Lihat Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *op.cit.*, hal. 82.

<sup>35</sup> Lihat Ibn Ṣalāh, *op.cit.*, hal 31.

Hukum hadith *hasan li ghayrih*:

Hukum hadith *hasan li ghayrih* ialah boleh berhujah dan beramal dengannya di sisi jumhur ulama ahli Hadith, Usul Fiqh dan selain daripada mereka<sup>36</sup>.

### 2.2.2.2 Hadith-Hadith Yang Ditolak (*Mardūd*).

Hadith *mardūd* ialah hadith *da'iif*. Termasuk di dalam bahagian ini ialah jenis-jenis hadith *da'iif* yang khilaf ulama dalam menentukan jumlahnya. Di sini penulis datangkan keterangan mengenai hadith *da'iif* secara ringkas untuk tidak menjela perbahasannya.

#### Hadith *Da'iif*.

Dari segi bahasanya, perkataan *da'iif* adalah di atas timbangan (*wazan*) *fa'il* yang memberi maksud lemah atau lawan bagi kuat<sup>37</sup>. Hadith *Da'iif* dari sudut istilahnya iaitu hadith yang tidak berhimpun syarat-syarat hadith *sahīh* atau *hasan*<sup>38</sup>. Dihukum hadith ini dengan *da'iif* kerana ianya telah hilang salah satu daripada syarat-syarat hadith *maqbūl*. Syarat-syarat ini boleh dilihat pada perbincangan sebelum<sup>39</sup>.

<sup>36</sup> Lihat al-Suyūti (2000M), *op.cit.*, hal. 68 dan 69.

<sup>37</sup> Lihat 'Umar Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Farmāwī (1998M), *Dirāsāt fī Ma'rifah al-Ḥadīth al- Da'iif*, Misr : Maktabah al-Imān, cet. 1, hal. 15.

<sup>38</sup> Lihat Yahyā Ismā'īl (1992M), *Ma' al-Ḥadīth wa Ahlīh*, Miṣr: Matba'ah al-Fajar al-Jadīd, cet. 1, hal. 62.

<sup>39</sup> Lihat 'Umar Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Farmāwī (1998M), *op.cit.*

### Bahagian hadith *da'iif*:

Ulama tidak sepandapat dalam menentukan bahagian hadith *da'iif*, di sini penulis nyatakan sebahagian pendapat tersebut iaitu, Imam Ibn Hibban al-Busti mengatakan hadith *da'iif* mempunyai 49 bahagian, Imam al-'Iraqi berpendapat 42 bahagian, ada juga pendapat mengatakan 63 bahagian, manakala Imam Syarf al-Din al-Munāwī pula menambahkan bilangannya sehingga 129 bahagian dan ada juga ulama yang mengatakan 81 bahagian<sup>40</sup>. Pembahagian ini adalah mengikut penilaian masing-masing berdasarkan kajian yang dibuat terhadap faktor-faktor yang memawa kepada lemahnya satu-satu hadith<sup>41</sup>.

Hukum hadith *da'iif* adalah seperti berikut:

Pendapat Pertama: Boleh beramal dengan hadith *da'iif* secara *muṭlaq*, dengan syarat tidak terdapat nas-nas yang lain.<sup>42</sup>

Pendapat Kedua: Dibolehkan beramal dengan hadith *da'iif* dalam bab *fadā'i'l al-a'māl*<sup>43</sup> dengan syarat-syarat tertentu.

Pendapat Ketiga: Tidak boleh beramal dengan hadith *da'iif* secara *muṭlaq*<sup>44</sup>.

<sup>40</sup> Lihat Imām al-Suyūṭī (2000M), *op.cit.*, hal. 112 dan 113.

<sup>41</sup> Lihat 'Umar Muḥammad 'Abd al-Mun'im al-Farmāwī (1998M), *op.cit.*, hal. 16 dan 17.

<sup>42</sup> Iaitu pendapat setengah daripada ulama seperti Imam Ahmad , Abī Dāwud dan sebagainya.

<sup>43</sup> Iaitu pendapat jumhur ulama di kalangan muḥaddithin dan *fujahā*'.

<sup>44</sup> Iaitu pendapat yang disandarkan kepada al-Qādī Abī Bakr Ibn al-'Arabī dan mereka yang sependapat dengannya.

Sumber-sumber hadith *da'iif*, antaranya ialah:

1. Kitab yang dikarang berkenaan dengan perawi-perawi *da'iif*. Hadith diletakkan sebagai dalil, penyokong atau sebagainya.
2. Kitab yang dihukum oleh ulama hanya menghimpunkan hadith-hadith yang *da'iif* sahaja.
3. Kitab yang dikarang oleh ulama berkenaan dengan bahagian hadith-hadith *da'iif* seperti kitab yang menghimpun hadith-hadith *mursal, mudarraj* dan seumpamanya.

### **2.2.3 Hadith Dari Sudut Bilangan Perawinya.**

Hadith dari sudut bilangan perawinya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

- 1) Hadith *Mutawātir*.
- 2) Hadith *Āḥād*.

#### **2.2.3.1 Hadith *Mutawātir*.**

Dari sudut bahasa, ianya memberi erti berturut-turut. Pengarang *al-Qāmūs* berkata; *al-Tawātur* ialitu berturut-turut atau berturut-turut

yang terputus sekejap ditengahnya<sup>45</sup>. Ini dapat dilihat dalam firman

Allah SWT:

"لَمْ أُرْسِلْنَا رُسُلًا تُنَزَّلُ إِلَيْكُمْ"

*Sūrah al-Mu'minūn ( 23 ) : 44.*

Iaitu pengutusan seorang rasul kepada rasul yang lain itu dengan mempunyai jarak masa yang tidak ada rasul, juga dinamakan *mutawātir*.

Ulama hadith telah mendefinisikan *mutawātir* dari sudut istilah dengan pelbagai definisi, antaranya ialah:

- 1) Khaṭīb al-Baghdādī telah mentakrifkan khabar *mutawātir* sebagai perkhabaran yang dibawa oleh satu kumpulan yang ramai bilangannya dan mustahil akan bersatu melakukan pembohongan mengikut adatnya<sup>46</sup>.
- 2) Ibn Jamā'ah pula menyatakan satu perkhabaran yang diketahui secara yakin kebenarannya<sup>47</sup>.
- 3) Syaykh al-Islām Ibn Ḥajar mendefinisikan, apabila berhimpun empat syarat iaitu: Bilangan yang ramai,

<sup>45</sup>Lihat 'Umar Muḥammad 'Abd al-Mun'im al-Farmāwī (1998M), *Dirāsah fī Muṣṭalah al-Hadīth*, Miṣr : Maktabah al-Ímān, cet. 1, hal. 15.

<sup>46</sup> Lihat al-Khaṭīb al-Baghdādī (1986M), *al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*, Taḥqīq: Dr. Ahmad 'Umar Hāsyim, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabi, cet. 2, hal. 32.

<sup>47</sup> Lihat Ibn Jamā'ah al-Kattānī (1981M), *al-Manhāj al-Rawiyī fī 'Ulūm al-Hadīth al-Nabawī*, Taḥqīq: Dr. Sayyid Nūh, al-Manṣūrah : Dār al-Wafā', hal. 224.

mustahil pada adat mereka bersatu melakukan pembohongan, diriwayatkan daripada mereka yang sama tarafnya daripada awal hingga akhir sanadnya dan mestilah bersambung sampai ke akhir dengan cara pasti atau zahir<sup>48</sup>.

Daripada takrif tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa takrif hadith *mutawātir* dari segi istilah ialah hadith yang diriwayatkan daripada satu kumpulan daripada kumpulan yang lain, mustahil pada adatnya mereka bersepakat melakukan pembohongan dan disandarkan kepada sanad yang jelas dan nyata.

Hadith *mutawātir* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu;

- 1) *Mutawātir Lafzī*.
- 2) *Mutawātir Ma'navī*.

*Mutawatir lafzī* ialah hadith *mutawātir* lafaz dan maknanya.

"من كذب على متعمداً فليتبوأ مقعده من النار"

Menurut Ibn al-Šalāḥ hadith ini diriwayatkan daripada sebilangan besar sahabat Rasulullah s.a.w., ia juga diriwayatkan dalam kitab *Šaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Šaḥīḥ Muslim* daripada satu kumpulan yang ramai. Abū Bakr al-Bazzār pula menyatakan hadith ini diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. oleh 62 orang sahabat dan

<sup>48</sup>Lihat Syaykh al-Islām Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *Nuzhat al-Nazar bi Syarḥ Nukhbah al-Fikr*, hal. 8.

dikalangan mereka itu terdapat 10 orang yang dijanjikan syurga oleh Rasulullah s.a.w.<sup>49</sup>.

*Mutawātir ma'nawi* pula ialah hadith yang diriwayatkan daripada satu kumpulan yang mustahil melakukan pembohongan, terpesong dalam dalam memberi gambarannya dan maksud hadith-hadith tersebut adalah sama, *mutawātir* itu mestilah berlaku pada tempat yang sama. Contohnya seperti hadith mengangkat tangan ketika berdoa. Hadith mengangkat tangan ketika berdoa ini datang daripada Nabi s.a.w. lebih kurang 100 hadith yang membincang perkara yang sama tetapi dalam lafaz yang berbeza<sup>50</sup>.

Hukum hadith *mutawātir* ialah:

1. Memberi faedah sebagai ilmu yang yakin dan pasti.
2. Secara pasti *sahīh* dinisbahkan kepada Nabi s.a.w. Oleh itu jika mengingkari dan menolaknya adalah terkeluar daripada Islam<sup>51</sup>.

<sup>49</sup> Lihat 'Umar Muhammād 'Abd al-Mun'im al-Farmawī, *op.cit.*, hal. 21.

<sup>50</sup> Lihat Husayn Khaṭīr al-'Adawī (t.t), *Hāsyiyah Luqāt al-Durr Syarḥ Matn Nukhbah al-Fikr*, Beirut: Dār al-Nūr, hal. 28.

<sup>51</sup> Lihat Muhammād Adib Ṣāliḥ (1985M), *Lamaḥat fi Uṣūl al-Ḥadīth*, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, cet. 4, hal. 89.

### 2.2.3.2 Hadith *Āḥād*.

Iaitu hadith yang tidak cukup salah satu daripada syarat hadith *mutawātir*. Boleh juga ditakrifkan sebagai hadith yang tidak sampai kepada martabat *mutawātir*<sup>52</sup>.

Hadith *āḥād* ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

- 1) Hadith *Masyhūr*.
- 2) Hadith *'Azīz*.
- 3) Hadith *Gharīb*.

#### 1. Hadith *Masyhūr*.

Dari sudut bahasanya ialah satu kata *ṣighah ism maf'ūl* yang dikeluarkan daripada kata kerja *syahara* ( شهادة ) yang bererti zahir dan nyata sesuatu<sup>53</sup>.

Dari sudut istilah pula seperti berikut:

- 1) Ibn Ṣalāḥ menyatakan maknanya ialah *mafhūm*<sup>54</sup>.
- 2) Pendapat al-Bulqinī pula ialah *mafhūm* dan *mustafid*, iaitu hadith yang diambil daripada lebih daripada tiga orang perawi.<sup>55</sup>

<sup>52</sup> Lihat 'Umar Muḥammad 'Abd al-Mun'im al-Farmāwī, *op.cit.*, hal. 33.

<sup>53</sup> Lihat Ibn Manzūr, *op.cit.*, jil. 4, hal. 431.

<sup>54</sup> Lihat Ibn Ṣalāḥ, *op.cit.*, hal. 265.

<sup>55</sup> Lihat al-Bulqinī (t.t), *Maḥāsin al-İṣṭilāḥ*, Tahqīq: Dr. 'Ā'isyah 'Abd al-Rahmān, Beirut : Dār al-Ma'ārif, hal. 450.

- 3) Syaykh al-Islam pula berpendapat *al-masyhūr* ialah hadith yang mempunyai jalan yang lebih daripada dua<sup>56</sup>. Ditambah oleh al-Sakhāwī yang tidak sampai kepada martabat *mutawātir*.<sup>57</sup>

Daripada takrif tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hadith *masyhūr* ialah hadith yang diriwayatkan pada setiap generasi daripada generasi yang lain itu mempunyai tiga jalan atau lebih yang tidak sampai kepada martabat *mutawātir*.

#### Hukum hadith *masyhūr*:

Ahli Hadith mengambil kira hukum hadith ini berdasarkan *sahīh*, *ḥasan* atau *da’if*. *Masyhūr* bukanlah dalil hadith itu *sahīh*, tetapi mestilah melihat kepada perawi-perawi hadith satu persatu, generasi demi generasi. Hukum ke atas hadith tersebut bergantung kepada perkara yang berkaitan dengan sanadnya sama ada *sahīh*, *ḥasan* atau *da’if*<sup>58</sup>.

Contoh hadith *masyhūr* ialah: Diriwayatkan daripada ‘Abd Allāh bin ‘Amrū daripada Nabi s.a.w., Baginda telah bersabda:

"الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَ يَدِهِ"

<sup>56</sup> Lihat Syeikh Islām Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *Nuzhah al-Nazār*, *op.cit.*, hal. 10.

<sup>57</sup> Lihat al-Sakhāwī, *op.cit.*, jil. 4, hal. 8.

<sup>58</sup> Lihat Lihat Māhir Maṇṣūr ‘Abd al-Razzāq, *op.cit.*, hal. 90.

Maksudnya:

*Orang muslim ialah orang yang selamatkan orang Muslimin yang lain dari lidah dan tangannya*<sup>59</sup>.

## 2. Hadith 'Azīz.

'Azīz dari segi bahasa, iaitu satu perkataan *sighah mubālaghah* yang diambil daripada kata kerja 'azza (عز). 'Azīz

bererti sedikit sehingga kadang-kadang tidak ada. Dinamakan dengan 'azīz sama ada kerana sedikit kewujudannya atau kerana hadith tersebut tidak terlalu kuat dan banyak jalan penyokong terhadapnyanya, seperti firman Allah SWT:

إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمْ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا  
إِلَيْكُمْ مُّرْسَلُونَ

Maksudnya:

*Ketika kami mengirim kepada mereka dua orang utusan, lalu mereka dustakan, dan Kami bantu dengan orang ketiga, dan mengatakan : Sesungguhnya Kami ini adalah utusan-utusan kepada kamu.*

*Sūrah Yā Sīn ( 36 ) : 14.*

Iaitu menunjukkan kepada dikuatkan dan ditolongnya kami<sup>60</sup>.

<sup>59</sup> Lihat Iman al-Tirmidhī, *op.cit.*, Kitāb al-Imān, Bāb mā jā' fī ann al-Muslim man Salim al-Muslimūn min Lisānīh wa Yadih, jil. 4, hal. 443, no. 2628.

<sup>60</sup> Lihat al-Sakhāwī (1992M), *op.cit.*, jil. 4, hal. 605.

*'Azīz* dari segi istilah ialah hadith yang diriwayatkan oleh dua orang perawi yang diterimanya juga daripada dua orang perawi. Dinamakan hadith ini dengan *'azīz* sama ada sedikit kewujudannya dalam kitab-kitab hadith ataupun keadaannya yang kuat setelah ianya datang melalui sanad yang lain pula<sup>61</sup>.

Contoh hadith *'azīz*:

"عَنْ أَنَسِ وَأَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: لَا يُؤْمِنُ أَحَدٌ كُمْ حَتَّىٰ أَكْوَنَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالَّذِي وُلِدَ وَالنَّاسُ أَجْمَعُونَ"

Maksudnya:

*Daripada Anas dan Abi Hurayrah bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: tidak beriman seseorang daripada kamu sehinggalah aku ini terlebih dia cinta daripada ayahnya, anaknya dan manusia seluruhnya*<sup>62</sup>.

Hadith tersebut diriwayatkan daripada Anas oleh Qatādah dan 'Abd al-'Azīz bin Suhayb. Qatādah meriwayatkan pula kepada Syu'bah dan Sa'd bin Abi 'Urwah. Manakala 'Abd al-'Azīz pula meriwayatkan kepada Ismā'il bin 'Ulayyah dan 'Abd al-Warith. Kemudian hadith ini diambil oleh orang ramai melalui jalan-jalan ini<sup>63</sup>.

<sup>61</sup> Lihat Māhir Mañṣūr 'Abd al-Razzāq, *op.cit.*, hal. 93.

<sup>62</sup> Lihat Mūsā Syahīn Lāsyīn, *op.cit.*, Bāb *Iḥubb al-Rasūl min al-Imān*, jil. 1, hal. 256.

<sup>63</sup> Lihat al-Suyūti (1972M), *op.cit.*, jil. 2, hal. 181.

Hukum hadith 'azīz:

Ianya bergantung kepada darjat hadith tersebut sama ada *sahīh*, *hasan* atau *da'īf*. Samalah keadaannya dengan hadith *masyhūr*<sup>64</sup>.

### 3. Hadith *Gharīb*.

Dari sudut bahasa, ia merupakan kata *sighah mubālaghah* di atas timbangan *fa'il* ( فعل ) yang diambil daripada *al-ghurbah*, iaitu memberi maksud keseorangan atau satu. *Al-Gharīb* ialah orang yang berada jauh daripada tanah airnya, kata jamaknya *ghurabā*<sup>65</sup>.

Dari sudut istilah pula bererti hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja, sanadnya pula bersendirian tanpa penyokong<sup>66</sup>. Bolehlah dikatakan bahawa hadith *gharīb* ialah hadith yang diriwayatkan pada mana-mana tempat dalam sanadnya oleh seorang perawi sahaja.

Hadith *gharīb* ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

- 1) *Gharīb Muṭlaq*.

<sup>64</sup> Lihat Māhir Maṇṣūr 'Abd al-Razzāq, *op.cit.*, hal. 95. Lihat Imam al-Suyūti (2000M), *op.cit.*, hal. 356.

<sup>65</sup> Lihat 'Umar Muḥammad 'Abd al-Mun'im al-Farmāwī, *op.cit.*, hal. 43.

<sup>66</sup> Lihat Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *op.cit.*, hal. 128.

Iaitu hadith yang berseorangan perawinya pada pangkal atau awal sanad.

2) *Gharīb Nisbī*.

Iaitu hadith yang berseorangan perawinya pada pertengahan sanad. Bahagian ini pula terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

- a) Berseorangan perawi yang *thiqqah* dalam meriwayat hadith. Seperti ungkapan: Tidak diriwayatkan oleh perawi-perawi *thiqqah* kecuali dia.
- b) Berseorangan ahli negeri atau tempat dalam meriwayatkan hadith, seperti bersendirian ahli Mekah.
- c) Berseorangan ahli negeri atau tempat daripada ahli negeri atau tempat yang tertentu dalam meriwayatkan hadith, seperti bersendirian ahli Madinah daripada ahli Basrah.
- d) Berseorangan perawi daripada perawi yang lain dalam meriwayat hadith, seperti ungkapan: Bersendirian fulan daripada fulan<sup>67</sup>.

Hukum hadith *gharīb*:

Hukumnya samalah dengan hukum hadith *masyhūr* dan *āḥād* iaitu bergantung kepada perawi-perawi dan martabat hadith tersebut sama ada ianya *sahīh*, *ḥasan* atau *da’if*<sup>68</sup>.

<sup>67</sup> Lihat al-Suyūtī (1972M), *op.cit.*, jil. I, hal. 249, 250.

<sup>68</sup> Lihat Māhir Maṇṣūr ‘Abd al-Razzāq, *op.cit.*, hal. 99.

Contoh hadith *gharīb*:

Seperti hadith: "إِنَّ الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ...". Hadith ini empat

peringkat perawinya adalah seorang sahaja daripada Rasulullah s.a.w., iaitu Sayyidinā ‘Umar al-Khaṭṭāb kepada ‘Alqamah kepada Muḥammad bin Ibrāhīm al-Taymī kepada Yahyā bin Sa‘īd, daripada Yahyā inilah diriwayatkan kepada berpuluhan perawi<sup>69</sup>.

### 2.3 Pengenalan Ilmu *Takhrij* Dan Kepentingannya.

Ilmu ini tidak lahir secara spontan tetapi ia berkait rapat dengan usaha untuk mempertahankan kemurnian dan autoriti hadith itu sendiri. Dalam memperkatakan sesuatu pengenalan, perincian perbahasan mengenai maksudnya dari sudut bahasa dan istilah adalah penting. Ini bertujuan memberi pemahaman dan maklumat yang tepat kepada pengkaji dan pembaca umumnya.

#### 2.3.1 *Takhrij* Dari Sudut Bahasa.

Kalimat *kharaja* (خرج) memberi maksud nyata dan masyhur

atau ketinggian<sup>70</sup>. Mengikut pandangan Ibn Manzūr: *al-Khuriyy* keluar

<sup>69</sup> Lihat ‘Umar Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im al-Farmāwī, *op.cit.*, hal. 44.

<sup>70</sup> Lihat ‘Abd al-Muhib ‘Abd al-Qādir ‘Abd al-Hādi (1986M), *Turuq Takhrij*, Miṣr: Dār al-Itiṣām, cet. 1, hal. 9.

lawan bagi *al-Dukhūl* (Masuk)<sup>71</sup>. *Al-Takhrij* diambil daripada *kharaja* )

( خروجاً ) , *yukhariju* ( يخرج ) , *takhrijan* ( تخرجاً )<sup>72</sup>.

Al-Asma'i berpendapat: Dikatakan seawal-awal langit apabila diselubungi awan dinamakan mendung. Ungkapan :

"خرجت السماء خروجاً" penggunaan kalimah *kharaj* ( خرج ) di sini

bermaksud apabila cerah atau terang selepas mendung<sup>73</sup>.

*Takhrij* yang asalnya dari kata kerja tak transitif dari ungkapan الخروج bermaksud "keluaran atau pengkhususan dalam sesuatu bidang" seperti apabila dikatakan:

العلم والأدب خرجه في علم والأدب bermaksud " beliau adalah keluaran atau pengkhususan sains dan sastera."<sup>74</sup>.

<sup>71</sup> Ibn Manzûr, *op.cit.*, hal. 1125.

<sup>72</sup> Lihat Kamâl 'Ali Alî al-Jamal (1997M), *Kanz al-Haqâ'iq min Bayân mā fi al-Takhrij min Daqâ'iq*, Misr : Dâr al-Ímân, cet. ۱, hal. 7.

<sup>73</sup> *Ibid*, jil. 3, hal. 73-75.

<sup>74</sup> Lihat Tawfiq Ahmad Sâlimân dan Ismâ'il 'Abd al-Wâhid Makhlûf (1999M), *Nazarât fî 'Ilm al-Takhrij*, Misr: Jâmi'ah al-Azhar, hal. 2. Lihat Sekumpulan Ahli bahasa Arab diketuai oleh Doktor 'Ali al-Qâsimî, *Mu'jam al-'Arabi al-Asâsi*, Jâmi'ah al-Duwal al-'Arabiyyah, hal.387.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah kita faham bahawa ungkapan *takhrij* dari sudut bahasa membawa kepada beberapa maksud :

- 1) *Al-Istinbāt*. Samalah juga kalimah *al-Istikhrāj* dan *al-Ikhīrāj* memberi erti *al-Istinbāt*<sup>75</sup>.
- 2) *Al-Zuhūr wa al-Bayān* iaitu Zahir dan jelas.
- 3) *Al-Tadrīb*. Ungkapan "خرجه في العلم" kalimah *kharajah* di sini bererti keluaran dan pengkhususan<sup>76</sup>.
- 4) Zahir kecerdikan, kebijaksanaan dan adab seseorang.
- 5) *Al-Tawjīh*. Ungkapan "خرج المسأله" diertikan sebagai memberi pandangan atau menerangkan penyelesaiannya<sup>77</sup>.

### 2.3.2 *Takhrij* Dari Sudut Istilah.

*Takhrij* dari sudut istilah boleh ditakrifkan sebagai :

- 1) Menerangkan tempat dinukilkhan satu-satu hadith daripada *masdar*nya yang asal dengan diterangkan siapa yang meriwayatkan hadith tersebut, seperti *akhrajah al-Bukhārī*. Ini bermakna hadith ini dinukilkhan daripada kitab al-Bukhārī atau ada disebut dalam kitab al-Bukhārī. Di sini *al-Takhrij* dan *al-Ikhīrāj* sama maknanya<sup>78</sup>.

<sup>75</sup> Lihat Tawfiq Ahmad Sālimān dan Ismā'īl 'Abd al-Wāhid Makhlūf (1999M), *Nazarāt fī 'Ilm al-Takhrij*, Miṣr: Jāmi'ah al-Azhar, hal. 1.

<sup>76</sup> *Ibid*, hal. 2.

<sup>77</sup> *Ibid*.

<sup>78</sup> *Ibid*, hal. 3.

2) Mengambil satu-satu hadith daripada kitab hadith lalu mencari dan membentangkan sanadnya yang lain dari sanad kitab tersebut, yang mana sanad yang dibentangkan itu bersatu dengan sanad pengarang pada salah seorang daripada perawi-perawi hadith tersebut yang sebelum daripadanya<sup>79</sup>. Dengan ini *al-Takhrij* adalah sama maknanya dengan *al-Istikhrāj*.

3) *Takhrij* juga bererti mengangkat darjat hadith dengan menyandarkannya kepada sesiapa yang meriwayatkan hadith tersebut dari Imam-imamnya bersama hukum atau ulasan terhadap hadith tersebut<sup>80</sup>.

Pada dasarnya ia boleh dibahagikan kepada dua takrif yang besar, iaitu:

1) *Takhrij* pada pandangan ulama terdahulu (*al-Mutaqaddimin*)<sup>81</sup>:

Mengeluarkan hadith dengan sanad-sanadnya daripada kitab-kitab sunnah yang asal<sup>82</sup>.

2) *Takhrij* pada pandangan ulama terkemudian (*al-Muta'akhirin*).<sup>83</sup>

---

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> Lihat 'Abd al-Muhdi 'Abd al-Qadir 'Abd al-Hadi' (1986M), *op.cit.*, hal 10.

<sup>81</sup> Al-Mutaqaddimūn: Mereka yang hidup pada kurun pertama hingga akhir kurun ketiga hijrah. Lihat Muhammed 'Abd 'Aziz al-Khawli (1980M), *Miftāḥ al-Sunnah 'an Tārīkh Funūn al-Hadīth*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 3, hal 34.

<sup>82</sup> Lihat Kamāl 'Alī al-Jamāl (1987M), *Kanz al-Haqā'iq fī Bayān mā fī al-Takhrij min Daqā'iq*, Miṣr : Jāmi'ah al-Azhar, Dimyāt, hal. 7. Lihat A'dā' Hay'ah al-Tadrīs bi al-Qism Hadīth wa 'Ulimih (1999M), *Turuq Takhrij al-Āḥādīth al-Nabawiyah*, Miṣr : Jāmi'ah al-Azhar Mañṣūrah, cet. 1, hal 15.

<sup>83</sup> Al-Muta'akhirūn: Mereka yang hidup pada kurun keempat hingga tamatnya dunia ini. Lihat 'Abd al-'Aziz al-Khuli, *op.cit.*

Mengangkat martabat hadith daripada keadaannya yang asal selepas mengkajinya dengan menyandarkan kepada tempat asalnya (perawi) yang terdapat dalam kitab-kitab muktabar di sisi ulama hadith, dengan sanad-sanad yang berlainan daripada sanad tersebut berserta dengan menerangkan darjat hadith tersebut<sup>84</sup>.

Definisinya yang pelbagai itu adalah mengikut perkembangan ilmu itu sendiri, jika mengikut perkembangannya adalah seperti berikut:

- 1) Menyebut hadith dengan sanad-sanadnya. Pengarang membincangkan masalah yang berkaitan dengan sanad atau matan, seperti yang terdapat dalam *Sunan al-Tirmidhi*, Abū Dāwud dan seumpamanya.
- 2) Mengeluarkan sanad-sanad yang lain bagi suatu hadith. Ini adalah bertujuan menguat dan mempelbagaikan matan.
- 3) Mengeluar dan menyandarkan hadith kepada kitab-kitab hadith yang ada kemudian menerangkan hukum hadith tersebut. Ini selepas dihimpunkan hadith ke dalam kitab-kitab hadith atau dibukukan hadith-hadith Nabi s.a.w.<sup>85</sup>.

Daripada pengertian tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa *takhrij* hadith boleh membaiki taraf atau darjat sesebuah hadith yang diriwayatkan dengan melihat kepada sumber pengambilannya dan punca terbitnya hadith berkenaan. Ini dapat ditentukan dengan diperhatikan

<sup>84</sup> Lihat *Ibid*, hal 19. Lihat Kamāl ‘Alī ‘Alī al-Jamāl, *op.cit.*, hal. 8.

<sup>85</sup> Lihat ‘Abd al-Muhdi ‘Abd al-Qādir ‘Abd al-Hādi (1986M) *op.cit.*, hal. 10 dan 11.

kepada Imam-imamnya, sumber pengumpulannya, *sunan*nya serta cara menyampaikan dan juga mengkaji perawinya.

### **2.3.3 Kepentingan Ilmu *Takhrij*.**

Ilmu takhrij adalah ilmu yang berkaitan langsung dengan hadith Rasulullah s.a.w., sedangkan kaitan antara al-Quran dan *al-Hadith* begitu rapat sekali. Kedua-duanya adalah sumber bagi syariat Islam. Dengan itu setiap mereka yang terlibat dengan syariat sama ada langsung atau tidak langsung sangat perlukan pengetahuan berkaitan dengan *takhrij* dan sepatutnya dapat menguasainya.

Semua kalangan ilmuan Islam baik dalam bidang syariat ataupun usuluddin memerlukan ilmu ini bagi memudahkan mereka merujuk hadith Rasulullah s.a.w. dari sumbernya yang utama, seterusnya dapat membuat penilaian yang tepat mengenai kedudukan sesuatu hadith berdasarkan kepada penelitian terhadap sanad dan matan hadith tersebut.

Secara umumnya faedah dari ilmu *takhrij al-Hadith* ini merujuk kepada dua perkara utama iaitu :

1. Faedah yang berkaitan dengan sanad.

Melalui ilmu *takhrij al-Hadith* seorang pengkaji dapat menilai sebanyak mungkin sanad yang terdapat bagi sesuatu hadith dari pelbagai

sumber, sekaligus dapat menilai kekuatan dan kelemahan sesuatu hadith dan mengetahui kedudukannya yang sebenar. Seseorang pengkaji juga dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang mungkin terdapat pada sanad. Di samping itu, dapat juga dikenal pasti kecacatan atau kecuaian yang mungkin dilakukan oleh seseorang perawi dalam meriwayatkan hadith.

## 2. Faedah yang berkaitan dengan matan.

Seseorang pengkaji atau pelajar akan dapat mengetahui maksud yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu hadith, di samping dapat melihat realiti dan persekitaran yang terdapat bagi sesuatu hadith atau dengan kata lain *asbāb wuriid al-hadīth*.

Selain itu, seorang pengkaji atau pelajar melalui ilmu *takhrij al-Hadīth* juga dapat mengetahui sumber rujukan bagi sebuah hadith, begitu juga dapat diketahui kecatatan, kesamaran, kakurangan dan penyelewengan yang mungkin terdapat dalam sesuatu hadith.

## 2.4 Kaedah-keadah Asas *Takhrij*.

Setiap hadith yang hendak ditakhrijkan mempunyai pelbagai sifat dan keadaan, ada yang lengkap sanad dan matannya, ada yang mempunyai matan tanpa sanad, ada yang separuh matannya dan ada juga yang hanya ada maknanya sahaja. Keadaan seperti ini mempunyai cara *takhrijnya* yang tersendiri dan berbeza di

antara satu sama lain sama ada dari segi sumber atau caranya. Bagaimana pun, *takhrij* pada dasarnya adalah bergantung kepada matan atau sanadnya.

Antara kaedah-kaedah *takhrij* ialah:

#### 2.4.1 Kaedah Pertama: *Takhrij Mengikut Pangkal Hadith.*

*Takhrij* melalui pangkal hadith merupakan cara yang paling mudah dan sangat disukai oleh penyelidik. Dimaksudkan dengan pangkal hadith ialah huruf atau perkataan yang pertama dalam satu-satu hadith. Cara ini boleh digunakan apabila penyelidik mempunyai matan atau perkataan hadith yang pertama dengan tepat, ini kerana pengarang kitab yang menggunakan kaedah ini menyusun kalimah dalam kitab mereka mengikut turutan huruf *hijā'iyyah* yang dimulai dengan huruf *alif, bā', tā'* dan seterusnya<sup>86</sup>.

Antara kitab *takhrij* yang membantu penyelidik melalui jalan ini ialah:<sup>87</sup>

- 1) Kitab yang disusun mengikut susunan kemasyhuran hadith dalam pengucapan atau martabat hadith.
- 2) Kitab yang disusun mengikut susunan huruf *mu'jam* atau *alif, bā', tā'* dan seterusnya. :

<sup>86</sup> Lihat A'ḍā' Hay'ah al-Tadrīs bi al-Qism al-Hadīth wa 'Ulūmih, *op. cit.*, hal. 141.

<sup>87</sup> Lihat Tawfiq Ahmad Sālimān dan Ismā'il 'Abd al-Wāhiḍ Makhlūf, *op. cit.*, hal. 71.

### 3) Kitab *Mafātiḥ wa Mufaharas*.

Kemasyhuran hadith yang dimaksudkan di sini ialah yang kerap disebut dalam pengucapan. Nilai hadith yang masyhur dalam pengucapan ini pelbagai, seperti *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *daīf*, *mawdū'*, yang tidak ada sumber asalnya (*lā aṣl lah*) dan sebagainya. Contohnya seperti kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan sebagainya.

Cara *takhrij*:

- 1 Merujuk kepada kitab-kitab yang disusun mengikut tartib *alif*, *bā'*, *tā'* hingga seterusnya.
- 2 Pengkaji perlu mengetahui pangkal hadith dengan tepat dan pastikan huruf pertama, kedua dan seterusnya, kemudian carilah di dalam kitab tersebut. Contohnya: "الظهور شطر الإعان..." carilah pada

huruf *tā'* kemudian *hā'*, *waw* dan *rā'*, jika sudah temui kalimah tersebut, carilah hadith tersebut di bawah kalimat tersebut insyaAllah akan temui hadith yang diingini. Jika diperhatikan bersebelahan dengan hadith yang ditemui itu terdapat *rumūz* atau simbol kitab-kitab yang meriwayatkan hadith tersebut iaitu:

"حَمْ ، مَ ، تَ عَنْ أَبِي مَالِكَ الْأَشْعُرِيِّ صَحٌ"

Ini bererti hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad Ibn Ḥanbal, Muslim dan Tirmidzi dalam kitabnya daripada Abi Mālik al-Asy'arī. Ia juga menjelaskan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan hadith seperti juzuk, halaman, bab ,hukum dan sebagainya.

- 3 Setelah jelas maklumat-maklumat tentang hadith tersebut, maka rujuklah kitab yang dinyatakan itu untuk menyakinkan lagi bahawa hadith tersebut ada di dalam kitab yang dinyatakan.

#### **Keistimewaannya:**

Cepat menemui hadith yang dikehendaki dan senang menggunakaninya, iaitu hanya dengan mengetahui pangkal hadith sahaja<sup>88</sup>.

#### **Kelemahannya:**

Jika terdapat sedikit perbeaan pada pangkal hadith, walaupun hadithnya sama tidak akan temui hadith tersebut<sup>89</sup>.

Kitab-kitab yang boleh digunakan melalui cara ini di antaranya ialah:

1. *Al-Jāmi' al-Kabīr* (*Jam' al-Jawāmi'*), karangan Imam al-Suyūtī.
2. *Al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, karangan Imam al-Suyūtī.
3. *Al-Fath al-Kabīr fī Damm al-Ziyādah ilā al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, karangan Yūsuf Ismā'īl bin Yūsuf al-Nabhānī.
4. *Al-Maqāṣid al-Hasanah fī Bayān Kathīr min al-Āḥādīth al-Musytaharah 'alā al-Alsinah*, karangan Abū al-Khayr Muḥammad bin 'Abd al-Rahmān yang dikenali dengan Syams al-Dīn al-Sakhāwī.

---

<sup>88</sup> *Ibid.*

<sup>89</sup> Lihat A'dā' Hay'ah al-Tadrīs bi al-Qism al-Hadīth wa 'Ulūmih, *op.cit.*, hal. 141. Lihat 'Abd al-Muhib 'Abd al-Qādir 'Abd al-Hādī (1986M ), *op.cit.*, hal. 27.

5. *Tamyīz al-Tayyib min al-Khabīth fī mā Yadrūr 'alā Al-Sinah al-Nās min al-Hadīth*, karangan 'Abd al-Rahmān bin 'Alī, masyhur dengan panggilan Ibn al-Dibā' al-Sayybāni..

#### 2.4.2 Kaedah Kedua: *Takhrij* Melalui Perkataan Atau Lafaz Hadith.

Penyelidik hendaklah mengutamakan perkataan yang tidak kerap disebut sama ada kata nama atau perbuatan untuk menjadi pembuka jalan *takhrij*nya. Menggunakan perkataan yang jarang penggunaanya akan memudahkan penyelidik capai tujuan *takhrij*nya. Di bawah perkataan tersebut disebutkan nama perawi hadith dan tempatnya dalam kitab-kitab asal hadith.

Pengarang yang mengarang kitab berdasarkan kaedah ini menitik beratkan kepada kalimah yang jarang penggunaannya, ini akan memudahkan lagi urusan *takhrij*nya. Contohnya, jikalau *takhrij* hadith:

"إِنَّ النَّبِيَّ نَهَىٰ عَنْ طَعَامِ الْمُتَبَارِئِينَ أَنْ يُوَكِّلُ"

lebih baik gunakan kalimah (المتبارئين) daripada kalimah (نهى) atau

(طعام) atau (يُوكِلُ), ini kerana kalimah tersebut jarang penggunaannya<sup>90</sup>.

Antara kitab yang boleh digunakan mengikut cara ini ialah :

---

<sup>90</sup> *Ibid.* hal. 84.

1. Kitab *Fihris Ṣaḥīḥ Muslim*. Karangan al-Marḥūm al-Syeikh Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī.
2. Kitab *Fihris Sunan Abī Dāwud*. Karangan Ibn Bayūmī.
3. Kitab *al-Mu'jam al-Mafahras li Alfaẓ al-Ḥadīth al-Nabawī*. Karangan sekumpulan orientalis Barat.

Kitab yang terbaik digunakan dalam kaedah ini ialah *al-Mu'jam Mufahras li Alfaẓ al-Ḥadīth al-Nabawī*. Susunan kalimah dalam kitab tersebut adalah sebagaimana susunan sebuah kamus biasa, tetapi kitab ini hanya mengandungi hadith-hadith dari sembilan buah kitab hadith sahaja iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Sunan Abī Dāwud*, *al-Muwatta' Imam Mālik*, *Musnad Aḥmad Ibn Hanbal*, *Sunan al-Dārimī* dan *Sunan al-Nasā'i*.

Kitab yang diusahakan oleh orientalis ini pada pendapat ramai tidak perlu dicurigakan, kerana kitab ini tidak seperti kajian lain yang menyentuh soal akidah dan pemikiran Islam.

Cara *takhrij*:

- 1 Pilih perkataan yang jarang dijumpai daripada hadith yang hendak ditakhrijkan.
- 2 Jadikan perkataan tersebut kepada *fi'il* atau *fi'il mujarrad*.
- 3 Kemudian buka dan cari dalam kitab *Mu'jam* perkataan yang bertepatan dengan perkatan tersebut.

- 4 Setelah ditemui perkataan tersebut terdapat bersamanya tanda (*rūmīz*) kitab yang meriwayatkan hadith tersebut, bab, jilid, halaman, nombor hadith dan maklumat-maklumat yang dapat membantu penyelidik mencari hadith tersebut di dalam kitab asalnya.
- 5 Kenal dan rujuk tanda yang diberikan. Carilah hadith tersebut di dalam kitab yang telah diberikan tanda-tandanya untuk mengenalpasti adakah itu hadith yang dikehendaki<sup>91</sup>.

#### **Keistimewaananya:**

1. Cepat sampai kepada tujuan.
2. Pengarang kitab telah menyatakan tempat hadith dalam kitab asalnya dengan menerangkan kitab, bab atau juzuk dan halaman.
3. Dengan mengetahui mana-mana juzuk daripada matan hadith membolehkan mengetahui hadith yang lengkap dengan mudah.

#### **Kelemahannya:**

1. Mesti mengetahui bahasa Arab secara mendalam. Ini kerana untuk mengetahui pecahan atau asal satu-satu kalimah.
2. Pengarang kitab tidak mengemukakan nama-nama sahabat, susah jika terdapat hadith yang sama diriwayatkan daripada sahabat yang berlainan.
3. Tidak mencukupi jikalau mempunyai beberapa kalimah daripada hadith sahaja, ini kerana kemungkinan pengarang kitab tidak

---

<sup>91</sup>Lihat Tawfiq Ahmad Sālimān dan Ismā'īl 'Abd al-Wāhid Makhlūf, *op.cit.*, hal. 90.

memasukkan kalimah tersebut sebaliknya dia memasukkan kalimah yang lain<sup>92</sup>.

### 2.4.3 Kaedah Ketiga : *Takhrij* Melalui Tajuk Hadith.

Cara ini biasanya diikuti oleh penyelidik yang mempunyai keupayaan yang tinggi, maklumat yang luas tentang kitab-kitab hadith dan gaya penulisannya. Justeru itu, penyelidik yang baru mencebur i bidang ini sering terasa kesulitan apabila cuba mendapatkan hadith melalui cara ini.

Kesulitan ini kadang-kadang berpunca daripada banyaknya tajuk yang boleh dijudgetkan kepada sesebuah hadith, sebagai contohnya sabda Nabi s.a.w.:

"بِيَالْإِسْلَامِ عَلَى حَمْسٍ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَصُومُ رَمَضَانَ وَحْجَةُ الْبَيْتِ مَنْ أَسْطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا."

Hadith ini boleh diberikan pelbagai judul dan diletakkan dalam pelbagai bab seperti bab Iman, bab solat, bab zakat, bab puasa dan bab haji. Pengkaji harus mencarinya dalam semua tajuk untuk menemui hadith tersebut.

---

<sup>92</sup> *Ibid*, hal. 94.

memasukkan kalimah tersebut sebaliknya dia memasukkan kalimah yang lain<sup>92</sup>.

#### **2.4.3 Kaedah Ketiga : *Takhrij* Melalui Tajuk Hadith.**

Cara ini biasanya diikuti oleh penyelidik yang mempunyai keupayaan yang tinggi, maklumat yang luas tentang kitab-kitab hadith dan gaya penulisannya. Justeru itu, penyelidik yang baru menceburi bidang ini sering terasa kesulitan apabila cuba mendapatkan hadith melalui cara ini.

Kesulitan ini kadang-kadang berpunca daripada banyaknya tajuk yang boleh dijudgetkan kepada sesebuah hadith, sebagai contohnya sabda Nabi s.a.w.:

"بِيَالْإِسْلَامِ عَلَى حَمْسٍ شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَصُومُ رَمَضَانَ وَحْجَ الْبَيْتِ لِمَنْ أَسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا."

Hadith ini boleh diberikan pelbagai judul dan diletakkan dalam pelbagai bab seperti bab Iman, bab solat, bab zakat, bab puasa dan bab haji. Pengkaji harus mencarinya dalam semua tajuk untuk menemui hadith tersebut.

---

<sup>92</sup> *Ibid*, hal. 94.

**Cara *takhrij*:**

1. Perhatikan setiap hadith yang hendak ditakhrijkan, pastikan apakah tajuk yang sesuai diberikan kepada hadith tersebut.
2. Setelah tajuknya dikenal pasti, gunakan kitab yang dikarang sesuai dengan cara ini untuk mencari hadith yang hendak ditakhrijkan. Buka kitab dan lihat dibahagian *fahrисnya*, cari bab yang sama atau seakan-akan sama dengan tajuk hadith.
3. Apabila temui babnya, lihatlah isi kandungan kitab tersebut mengikut panduan atau maklumat yang disediakan. Setelah bab itu ditemui, maka turutilah perbentangan kitab sehingga temui hadith yang dicari.
4. Setelah yakin dengan hadith tersebut, lihatlah catatan atau *rumuz* yang disediakan berhampiran dengan hadith tersebut, kemudian sandarlah hadith tersebut kepada kitab dan imam sebagaimana yang tertera<sup>93</sup>.

**Keistimewaananya:**

1. Cara ini tidak perlu mengetahui secara mendalam masalah atau maklumat yang berkaitan dengan hadith, hanya perlu mengetahui maksud hadith secara umum sahaja.
2. Mendidik pengkaji memahami *fiqh al-hadīth*.
3. Memperolehi hadith yang dicari dan hadith-hadith lain yang tajuknya sama, membantu menjelaskan lagi masalah<sup>94</sup>.

<sup>93</sup> Lihat 'Abd al-Muhdi 'Abd al-Qādir 'Abd al-Hādi (1986M), *op.cit.*, hal. 150.

<sup>94</sup> Lihat 'Abd al-Muhdi 'Abd al-Qādir 'Abd al-Hādi (1986M), *ibid.*, hal. 151.

4. Menjimatkan waktu dan tenaga.

**Kelemahannya:**

1. Tidak dapat memahami maksud hadith jika tajuknya tidak dapat dikeluarkan.
2. Pada sesetengah tempat tidak sama pendangan pengarang kitab dengan pengkaji<sup>95</sup>.

Kitab-kitab yang dikarang melalui cara ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

- 1) Kitab *takhrij* hadith-hadith umum. Seperti kitab *Kanz al-'Ummāl fi Sunan al-Aqwāl wa al-Af'āl* dan kitab *Muntakhab Kanz al-'Ummāl*, karangan al-Muttaqī al-Hindi.
- 2) Kitab *takhrij* hadith-hadith kitab tertentu. Seperti kitab *al-Mughnī 'an Ḥmal al-Asfār fī al-Asfār fī Takhrīj mā fī al-Iḥyā' min al-Akhbār*, karangan al-Ḥāfiẓ al-'Irāqī.
- 3) Kitab *takhrij* hadith-hadith fekah. Seperti kitab *Naṣb al-Rāyah fī Takhrīj Aḥādīth al-Hidāyah*, karangan al-Zayla'i.
- 4) Kitab *takhrij* hadith-hadith *aḥkām* (hukum). Seperti kitab *Taqrib al-Asāniḍ wa al-Tartīb al-Asāniḍ*, karangan al-'Irāqī.
- 5) Kitab *takhrij* hadith-hadith *al-Taghrīb wa al-Tarhib*. Seperti kitab *Targhib wa al-Tarhib*, karangan al-Munzirī.

<sup>95</sup> Lihat A'ḍā' Hay'ah al-Tadrīs bi al-Qism al-Ḥadīth wa 'Ulūmih, *op.cit.*, hal. 171.

- 6) Kitab *takhrij* hadith-hadith tafsir. Seperti kitab *al-Durr al-Manthūr fi al-Tafsīr bī al-Mā'thūr*, karangan Imam al-Suyūṭī.
- 7) Kitab *takhrij* hadith-hadith Sirah dan *Syamā'il*. Seperti kitab *al-Khaṣā'iṣ al-Kubrā*, karangan Imam al-Suyūṭī<sup>96</sup>.

#### **2.4.4 Kaedah Keempat: *Takhrij* Melalui Sifat Sanad Dan Matan.**

Cara ini amat terbatas kepada bilangan hadith yang sedikit. Ianya boleh dilakukan kepada hadith yang mempunyai sifat khusus yang ketara padanya sahaja, seperti hadith *qudsi*, hadith *mursal*, hadith *mawdū'* dan seumpamanya<sup>97</sup>.

Cara *takhrij*:

1. Untuk mentakhrīj hadith melalui kitab ini, penyelidik perlu terlebih dahulu mempunyai tanda khas pada hadith tersebut, seperti *sahīh*, *da'iif*, *mawdū'* dan sebagainya.
2. Kemudian suaikan dengan mana-mana satu di antara kitab yang dapat membantu penyelidik. Cara ini akan membawa hasil dengan cepat.

---

<sup>96</sup> Lihat 'Abd al-Muhib 'Abd al-Qadir 'Abd al-Hadi (1986M), *op.cit.*, hal. 151 dan 152. Lihat A'dā' Hay'ah al-Tadrīs bi al-Qism al-Hadīth wa 'Ulūmih, *op.cit.*, hal. 170 dan 171.

<sup>97</sup> Dr. Mahmūd al-Taḥḥān (1991M), *Uṣūl al-Takhrij wa Dirāsat al-Asānid*, Riyād : Maktabah al-Mā'rif, cet. 2, hal. 129.

### **Keistimewaananya:**

Mudah menemui hadith yang dikehendaki. Ini kerana pengarang yang menghimpun hadith yang mempunyai sifat-sifat tertentu bilangan hadithnya adalah sedikit.

### **Kelemahannya.**

Bilangan hadithnya sedikit dan kitabnya terbatas kepada kitab yang menghimpunkan hadith sifat-sifat tertentu sahaja, seperti kitab hadith *mutawātir, qudsī* dan sebagainya.

Terdapat pelbagai jenis kitab yang dikenalpasti dalam bentuk ini di antaranya ialah:

1. Karangan hadith-hadith *mutawātir*. Contohnya kitab *al-Azhār al-Mutanāthirah fī al-Akhbār al-Mutawātirah*, karangan Imam al-Suyūtī.
2. Karangan hadith-hadith *qudsī*. Contohnya kitab *al-Iḥāfāt al-Saniyyah fī al-Āḥādīth al-Qudsiyah*, karangan Imam al-Madāni.
3. Karangan hadith-hadith *masyhūr*. Contohnya kitab *al-Maqāṣid al-Hasanah*, karangan Imam al-Sakhāwī.
4. Karangan hadith-hadith *mursal*. Contohnya kitab *al-Marāṣil*, karangan Abū Dāwud.
5. Karangan hadith-hadith *mawdū'*. Contohnya kitab *Tanzīh al-Syārī'ah al-Marfū'ah 'an al-Akhbār al-Syānī'ah al-Mawdū'ah*,

karangan Abū al-Hasan Sa‘d al-Dīn ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Abd al-Rahmān Ibn ‘Irāq<sup>98</sup>.

#### **2.4.5 Kaedah Kelima : *Takhrij* Melalui Rawi Tertinggi.**

Cara ini boleh digunakan apabila penyelidik telah mengetahui perawi tertinggi bagi sesebuah hadith. Rawi tertinggi yang dimaksudkan di sini ialah sama ada sahabat atau tabiin bagi hadith *mursal*. Pengarang yang menggunakan cara ini menyusun hadith-hadith mengikut perawi yang paling hampir dengan Rasulullah s.a.w., diletakkan di bawah sahabat atau tabiin hadith-hadith yang diriwayatkan daripada mereka. Apabila sudah mengetahui perawi tertinggi bagi satu-satu hadith maka carilah perawi itu dan carilah juga hadith yang diingini di bawah nama perawi tersebut.

Jika penyelidik tidak mengetahui perawi tertinggi bagi hadith, cara ini tidak akan menemui kejayaan. Seeloknya gunalah cara-cara yang telah diterangkan sebelum ini.

Kitab-kitab yang dikarang melalui cara ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu :

- 1)      Kitab *al-Attrāf*.
- 2)      Kitab *al-Masāniṣ*.

<sup>98</sup> Lihat ‘Abd al-Muhdi ‘Abd al-Qādir ‘Abd al-Hādī (1986M), *op.cit.*, hal. 243 dan 244.

## 1. Kitab *al-Atrāf*.

Kitab *al-Atrāf* bermaksud kitab yang menghimpunkan hadith-hadith daripada sebuah kitab lain atau lebih, dengan menyebut dan menghimpunkan hadith tiap-tiap sahabat pada satu tempat, mendatangkan hanya sepotong sahaja daripada matan yang melambangkan keseluruhan matan tersebut atau satu jumlah ungkapan daripada pengarang sendiri yang melambangkan hadith tersebut. Ada pun sanadnya pula, sesetengah pengarang menyebut secara ringkas dan setengah yang lain menyebutnya secara lengkap untuk membuat perbandingan di antara sanad-sanad tersebut<sup>99</sup>.

Antara faedah kitab *Atrāf* ialah:

1. Menghimpunkan jalan riwayat hadith daripada kitab-kitab yang dimuatkan dalam kitab *Atrāf* tersebut, ianya dapat mengetahui taraf hadith sama ada *mutawātir*, *masyhūr*, *'azīz* atau *gharīb*.
2. Menghimpunkan jalan riwayat hadith tersebut untuk membuat perbandingan di antara sanad-sanadnya.
3. Menjamin keselamatan matan, jika sanadnya tidak bersambung mengikut jalan pertama, ianya mungkin bersambung mengikut jalan kedua, begitulah seterusnya.
4. Dapat mengetahui siapa yang meriwayatkan hadith dikalangan Imam-imam dan juga tempatnya di dalam kitab-kitab hadith yang asal<sup>100</sup>.

<sup>99</sup> Lihat Tawfiq Ahmad Sālimān dan Ismā'īl 'Abd al-Wāhid Makhlūf, *op.cit.*, hal. 43.

<sup>100</sup> Lihat 'Abd al-Muhibb 'Abd al-Qādir 'Abd al-Hādi (1986M), *op.cit.*, hal. 106.

Antara kitab *Aṭrāf* ialah:

1. *Aṭrāf al-Šaḥīḥayn*, karangan Abū Mas'ūd Ibrāhīm bin Muḥammad bin 'Ubayd al-Dimasyqī.
2. *Aṭrāf Kutub al-Sittah*, karangan Syam al-Dīn Abū al-Faḍl Muḥammad bin Tāhir dikenali dengan Ibn Qaysarānī.
3. *Al-Isyrāf 'alā Ma'rifah al-Aṭrāf*. Karangan Abū al-Qāsim 'Alī bin Abī Muḥammad dikenali dengan Ibn 'Asākir.

## 2. Kitab *al-Masānid*.

Iaitu kitab hadith yang menghimpunkan hadith dengan sanad-sanadnya sekali, dihimpunkan mengikut perawi-perawinya sama ada sahabat atau tabiin tanpa menumpukan kepada satu-satu tajuk yang khusus<sup>101</sup>.

Kelebihan kitab *al-Masānid* ialah:

- 1) Disusun mengikut perawi tertinggi, iaitu yang paling hampir dengan Rasullulah s.a.w. sama ada sahabat atau tabiin.
- 2) Nama-nama sahabat disusun mengikut susunan tertentu, seperti huruf *hijā' iyyah*, yang dahulu memeluk Islam dan sebagainya.
- 3) Hadith-hadith di bawah sahabat tidak disusun mengikut kaedah tertentu.
- 4) Hadith yang sanadnya lebih daripada satu kebanyakannya bukan daripada darjat yang sama.
- 5) Tidak dimaksudkan untuk menghimpunkan kesemua perawi.

<sup>101</sup> Lihat *Tawfiq Aḥmad Sālimān dan Ismā'īl 'Abd al-Wāḥid Makhlūf, op.cit.*, hal. 31.

Faedah-faedah kitab *al-Masānid*, antaranya ialah:

1. Menghimpunkan jumlah yang banyak daripada hadith, perawi dan jalan bagi satu-satu hadith.
2. Senang bagi mereka yang ingin menghafalnya.
3. Senang sampai kepada hadith atau masalah yang dicari<sup>102</sup>.

Antara kitab-kitabnya ialah :

1. *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*.
2. *Musnad al-Humaydi*.
3. *Musnad Abū Dāwud al-Tayālisi*

Cara *takhrij*nya :

- 1) Pastikan terlebih dahulu siapakah nama sahabat atau tabiin periyawat hadith yang ingin ditakhrījkan, apabila telah mengetahui nama sahabat atau tabiin maka carilah dalam kitab yang sesuai, nama perawi itu boleh didapati pada urutannya mengikut urutan abjad atau huruf *hijā' iyyah*.
- 2) Apabila perawi tersebut ditemui dalam kitab yang digunakan itu, ikutilah perbahasan hadith satu demi satu sehinggalah menemui hadith yang diingini.
- 3) Setelah hadith diperolehi, lazimnya dinyatakan nama, judul kitab serta nama kitab-kitab induk yang meriwayatkan hadith tersebut.

---

<sup>102</sup> Lihat 'Abd al-Muhdi 'Abd al-Qādir 'Abd al-Hādi (1986M), *op.cit.*, hal 138.

- 4) Penyelidik boleh memastikan sumber setiap hadith apabila dibuka kitab-kitab hadith yang asal melalui tanda atau *rumiż* yang tertera pada kitab *mu'jam* atau seumpamanya<sup>103</sup>.

**Keistimewaananya:**

1. Lebih tepat. Pengarang menyebut nama perawi dengan tepat, nama kitab dan maklumat-maklumat yang lain berkenaan hadith.
2. Banyak faedah. Antaranya dibentangkan perbandingan sanad-sanadnya, ianya mempunyai banyak faedah kepada ahli Hadith dan pengkaji-pengkaji.

**Kelemahannya:**

1. Cara ini tidak mungkin dapat digunakan kecuali setelah mengetahui nama perawi tertinggi sesuatu hadith.
2. Susunan hadith yang disusun di bawah nama perawi-perawi adalah tidak tersusun dan susah hendak dicari<sup>104</sup>.

---

<sup>103</sup> Lihat A'ḍā' Hay'ah al-Tadrīs bi al-Qism al-Ḥadīth wa 'Ulūmih, *op.cit.*, hal. 110 dan 111.

<sup>104</sup> *Ibid*, hal. 105 dan 106.

## *BAB KEDUA*

---

*FUNGSI DAN PEMBAHAGIAN  
HADITH SERTA KEADAH-KAEDAH  
ASAS TAKHRIJ*